



**PANDUAN PELAKSANAAN
STANDARD KOMPETENSI KEBANGSAAN (SKK)
- CORE ABILITIES**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

1 JULAI 2017

<http://www.dsd.gov.my>

KANDUNGAN

	KANDUNGAN	1
1.	PENDAHULUAN	3
2.	LATARBELAKANG	3
3.	TAFSIRAN	4
4.	SENARAI RINGKASAN	5
5.	KAEDAH PELAKSANAAN	5
5.1	Perkara Am	6
5.2	Tempoh Latihan	6
5.3	Pengajar	7
5.4	Penyampaian Latihan	7
5.5	Penilaian	8
5.5.1	Penilaian Pengetahuan	8
5.5.2	Penilaian Prestasi	9
5.5.3	Pemarkahan	10
5.5.4	Penyediaan Rekod Bukti Pencapaian	10
5.5.5	Kurikulum dan Dokumen Penilaian	11
6.	JAMINAN KUALITI	12
7.	SYARAT PERSIJILAN	13
8.	INFRASTRUKTUR LATIHAN	13
9	TARIKH KUATKUASA	14
10.	PEMBATALAN	14

LAMPIRAN

Lampiran 1	Borang Penilaian Prestasi NCS Core Abilities JPK/CA/PP
Lampiran 2	Borang Keputusan Pencapaian Penilaian Prestasi NCS Core Abilities JPK/CA/KPPP
Lampiran 3	Rekod Penilaian Kumulatif (RPK) – NCS Core Abilities

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) – *Core Abilities* (*National Competency Standard (NCS) – Core Abilities*) adalah merupakan dokumen yang menggariskan Kemahiran generik yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir bagi semua bidang pekerjaan di Malaysia.
- 1.2 SKK ini hendaklah digunakan sebagai pelengkap untuk menyokong *National Occupational Skills Standard* (NOSS) sedia ada bagi menjadikan pekerja di Malaysia lebih relevan dan berdaya saing di alam pekerjaan.
- 1.3 Program SKK *Core Abilities* hendaklah diikuti oleh semua pelatih di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui sistem pentauliahan.
- 1.4 Panduan ini bertujuan untuk menetapkan kepada Penyedia Latihan Kemahiran (PLK)/Pusat Bertauliah (PB) dan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) mengenai kaedah pelaksanaan dan penilaian SKK *Core Abilities*.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. SKK *Core Abilities* telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran pada tahun 1996. Penggunaan SKK *Core Abilities* telah mula dikuatkuasakan pada 01 Jun 2006.
- 2.2. SKK *Core Abilities* (Z-009) telah dikajisemula dan ditambahbaik kepada Z-009:2015 dan diperluaskan sehingga ke Tahap 5 bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Persijilan Kemahiran Malaysia seterusnya melahirkan pekerja mahir yang berdaya saing di peringkat kebangsaan dan global.

3. TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

“Pegawai Pengesah Dalaman” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan/penentusahan dalaman hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;

“Pegawai Pengesah Luaran” ertinya seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusahan luaran di pusat bertauliah;

“Pegawai Penilai” ertinya pengajar di pusat bertauliah yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan pelatih hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;

“pelatih” ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“Penyedia Latihan Kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan;

“Pusat Bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34 Akta 652;

“Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard*)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

“**Standard Kompetensi Kebangsaan – Core Abilities**” ertinya satu dokumen yang menggariskan *Core Abilities* yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja mahir dalam sesuatu bidang pekerjaan bagi menyokong dan melengkapkan keterampilan seseorang individu;

“**tahap**” ertinya tingkatan kemahiran dalam satu bidang pekerjaan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

“**Tenaga Pengajar**” ertinya seseorang yang dilantik oleh PB untuk mengajar dan membuat penilaian SKK – *Core Abilities* komponen teori. Tenaga Pengajar tidak membuat penilaian komponen amali pelatih.

4. SENARAI RINGKASAN

CU	-	<i>Competency Unit</i>
CA	-	<i>Core Ability</i>
DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NCS	-	<i>National Competency Standard</i>
NOSS	-	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	-	Pusat Bertauliah
PLK	-	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	-	Pegawai Penilai
PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	-	Pegawai Pengesah Dalaman
PPL	-	Pegawai Pengesah Luaran
SKK	-	Standard Keterampilan Kebangsaan
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
TP	-	Tenaga Pengajar

5. KAEDAH PELAKSANAAN

5.1. Perkara Am

- 5.1.1. Pelaksanaan SKK *Core Abilities* adalah **wajib** bagi semua program persijilan SKM, DKM dan DLKM melalui Pusat Bertauliah. Kaedah pelaksanaan adalah mengikut kesesuaian dan kemampuan Pusat Bertauliah.
- 5.1.2. Pelaksanaan SKK *Core Abilities* hendaklah bermula dari Tahap 1 bagi semua program NOSS **sama ada yang bermula dari Tahap 1 atau pun tidak**.
- 5.1.3. Pelaksanaan SKK *Core Abilities* ini tidak terpakai bagi program-program SKK yang lain.

5.2. Tempoh Latihan

- 5.2.1. PB hendaklah mematuhi tempoh latihan teori sebagaimana yang dinyatakan dalam SKK *Core Abilities* seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Tempoh latihan minimum teori mengikut tahap

Tahap	Tempoh Latihan Minimum
Tahap 1	40 jam
Tahap 2	40 jam
Tahap 3	80 jam
Tahap 4	80 jam
Tahap 5	80 jam

- 5.2.2. Tempoh latihan yang dinyatakan dalam Jadual 1 **adalah termasuk** di dalam tempoh latihan program NOSS.
- 5.2.3. Latihan amali SKK *Core Abilities* hendaklah dilaksanakan terangkum dengan latihan amali program NOSS.
- 5.2.4. Tempoh latihan amali SKK *Core Abilities* adalah **terangkum dalam tempoh latihan** program NOSS.

5.3. Pengajar

- 5.3.1. Program SKK *Core Abilities* boleh diajar dari kalangan PP sedia ada atau TP lain yang dilantik oleh PB.
- 5.3.2. PP sedia ada atau TP yang dilantik hendaklah berpengetahuan dan berpengalaman dalam Unit Kemahiran (*Ability Unit*) yang berkaitan.
- 5.3.3. PP sedia ada boleh mengajar dan menilai komponen teori dan amali.
- 5.3.4. TP hanya dibenarkan untuk mengajar dan menilai komponen teori sahaja.

5.4. Penyampaian Latihan

- 5.4.1. Pengajaran dan pembelajaran **teori** hendaklah dilaksanakan **di peringkat permulaan latihan** mengikut tahap program NOSS yang dijalankan dan secara berasingan. Ini bertujuan bagi memudahkan penilaian amali yang dijalankan secara berterusan.
- 5.4.2. Pengajaran dan pembelajaran **teori** bagi SKK *Core Abilities* untuk Persijilan Tahap Tunggal (tidak mengikut tahap) hendaklah dilaksanakan di permulaan program bagi semua tahap mengikut kumpulan program (band) berkenaan.
- 5.4.3. Pengajaran dan pembelajaran **amali** hendaklah dilaksanakan secara terangkum dengan program NOSS berkenaan. PB hendaklah memastikan semua *Abilities* dinilai dalam tempoh pembelajaran NOSS. Bagi memastikan semua *Abilities* dinilai, PB hendaklah membuat pemetaan (*mapping*) bagi menghasilkan **Matriks Core Abilities** (*Abilities* vs CU/Modul program NOSS).

5.5. Penilaian

5.5.1. Penilaian Pengetahuan

- 5.5.1.1. **Penilaian Pengetahuan** hendaklah dilaksanakan secara **berasingan** (tidak dibenarkan terangkum dengan program NOSS berkaitan) di awal latihan sebelum pelatih mula menjalani latihan program NOSS.
- 5.5.1.2. Penilaian hendaklah dilaksanakan oleh **PP** atau TP yang dilantik oleh PB sahaja.
- 5.5.1.3. PB perlu menyediakan Kertas Penilaian Pengetahuan dan skema jawapan bagi setiap CA untuk setiap tahap SKK *Core Abilities*.
- 5.5.1.4. Tempoh masa untuk menjalankan penilaian pengetahuan bagi setiap CA adalah **30 minit yang melibatkan 20 soalan berbentuk objektif**.
- 5.5.1.5. **Markah lulus minimum bagi setiap CA adalah 60%**. Pelajar yang gagal hendaklah menjalani penilaian semula dan perlu lulus semua CA sebelum verifikasi luaran program NOSS.
- 5.5.1.6. Markah penilaian perlu direkodkan ke dalam Rekod Penilaian Kumulatif – SKK *Core Abilities* Pengetahuan (JPK/CA/RPK)

5.5.2. Penilaian Prestasi

- 5.5.2.1. Penilaian Prestasi hendaklah dilaksanakan secara berterusan dan terangkum dengan Penilaian Prestasi program NOSS yang diikuti oleh pelatih. Keputusan penilaian hendaklah direkodkan setiap kali

penilaian selesai dilaksanakan dengan menggunakan Borang Penilaian Prestasi NCS-*Core Abilities* mengikut tahap yang disediakan oleh JPK seperti di lampiran.

5.5.2.2. Bagi setiap penilaian prestasi, PP perlu memilih Kemahiran yang terlibat pada borang Penilaian Prestasi NCS-*Core Abilities* berpandukan kepada Matriks *Core Abilities* yang telah dibangunkan.

5.5.2.3. Hasil penilaian Kemahiran pelatih hendaklah direkod pada borang Penilaian Prestasi NCS-*Core Abilities* berpandukan Skala - Tahap Pencapaian.

5.5.2.4. Pelatih hendaklah mencapai sekurang-kurangnya skala tahap pencapaian 3 bagi Kemahiran (*Abilities*) yang dinilai. Sekiranya pelatih tidak mencapai tahap pencapaian 3, pelatih belum dikira lulus Kemahiran (*Abilities*) berkenaan.

5.5.2.5. Pelatih dikehendaki mengulang Kemahiran (*Abilities*) yang belum lulus dalam modul NOSS berikutnya. Jika Kemahiran (*Abilities*) berkenaan tidak wujud pada modul berikutnya pelatih dikehendaki mengulang penilaian modul NOSS berkenaan.

5.5.2.6. Pelatih hendaklah lulus semua penilaian *Core Abilities* **sebelum layak menduduki** penilaian akhir program NOSS.

5.5.3. Pemarkahan

5.5.3.1. Keputusan LULUS akan diberi jika pelatih memenuhi perkara berikut:

- a. Penilaian Pengetahuan : mendapat markah **minimum 60%** bagi setiap CA; dan

- b. Penilaian Prestasi : mendapat keputusan **minimum Skala 3** bagi setiap Kemahiran pada **Borang Penilaian Prestasi NCS-Core Abilities**.

5.5.4. Penyediaan Rekod Bukti Pencapaian

5.5.4.1. Susunan kandungan Rekod Bukti Pencapaian adalah seperti berikut

(program biasa dan persijilan tahap tunggal mengikut tahap):

- a) Carta Profil Kompetensi / *Competency Profile Chart* (CPC) bagi program NOSS sedia ada;
- b) Carta Profil SKK *Core Abilities* Z-009:2015;
- c) Laluan latihan (*Training pathway*) program NOSS;
- d) Matriks *Core Abilities* (*Abilities* vs CU/Modul program NOSS berkaitan);
- e) Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi program NOSS sedia ada;
- f) Bukti-bukti pencapaian bagi semua aktiviti kerja (*work activities*) mengikut CU/Modul;
- g) Borang Penilaian Prestasi SKK *Core Abilities* (JPK/CA/PP) mengikut tahap yang telah dinilai berdasarkan CU/Modul
- h) Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi *Core Abilities* komponen teori;
- i) Bukti penilaian teori setiap CA;
- j) Keputusan Pencapaian Penilaian Prestasi *NCS-Core Ability* (JPK/CA/KPPP);

5.5.4.2. Susunan kandungan Rekod Bukti Pencapaian adalah seperti berikut

(persijilan tahap tunggal tidak mengikut tahap):

i. **Fail Induk:**

- a. Carta Profil Kompetensi / *Competency Profile Chart* (CPC) bagi program NOSS sedia ada;
- b. Carta Profil SKK *Core Abilities* Z-009:2015;

- c. Laluan latihan (*Training pathway*) program NOSS;
- d. Matriks *Core Abilities* (*Abilities* vs CU/Modul program NOSS berkaitan);
- e. Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi program NOSS sedia ada;
- f. Bukti-bukti pencapaian bagi semua aktiviti kerja (*work activities*) mengikut CU/Modul;
- g. Borang Penilaian Prestasi SKK *Core Abilities* (JPK/CA/PP) mengikut tahap yang telah dinilai berdasarkan CU/Modul

ii. **Fail *Core Abilities* Pengetahuan**

- a. Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi *Core Abilities* komponen teori;
- b. Bukti penilaian teori setiap CA;
- c. Keputusan Pencapaian Penilaian Prestasi *NCS-Core Ability* (JPK/CA/KPPP);

5.5.5. Kurikulum Latihan dan Dokumen Penilaian

5.5.5.1. PB hendaklah menyediakan kurikulum berdasarkan SKK *Core Abilities* yang merangkumi perkara berikut:

- i. Kertas Penerangan;
- ii. Kertas Tugas;
- iii. Jadual pelaksanaan latihan SKK *Core Abilities*;
- iv. Dokumen Penilaian
 - Penilaian Pengetahuan

5.5.5.2. Bahan Pembelajaran Bertulis bagi *Core Abilities* boleh didapati di JPK dan digunakan sebagai rujukan dan panduan untuk PB melaksanakan latihan. Walaubagaimana pun , PB digalakkan membangunkan Bahan Pembelajaran Bertulis sendiri yang bersesuaian dengan program NOSS yang ditawarkan kepada pelatih.

6. JAMINAN KUALITI

- 6.1. PB hendaklah memastikan kandungan kurikulum merujuk dan memenuhi kepada keperluan SKK *Core Abilities*.
- 6.2. Penilaian Pengetahuan *Core Abilities* boleh dibuat oleh PP / TP yang dilantik oleh PB manakala Penilaian Prestasi *Core Abilities* hendaklah dijalankan oleh PP yang dilantik program NOSS yang berkaitan.
- 6.3. PPD mengurus, memantau dan mengawal selia pelaksanaan latihan yang dinilai oleh PP/TP.
- 6.4. Verifikasi luaran bagi program SKK *Core Abilities* akan dilaksanakan oleh PPL yang dilantik oleh JPK bertujuan untuk menyemak bukti- bukti penilaian yang dilakukan oleh PP/TP dan PPD serta mengesahkan RPK.

7. SYARAT PERSIJILAN

- 7.1. Pelatih wajib **LULUS** SKK *Core Abilities* yang merupakan salah satu syarat untuk penganugerahan SKM, DKM dan DLKM.
- 7.2. Bagi program NOSS **sama ada yang bermula dari Tahap 1 atau pun tidak**, pelaksanaan SKK *Core Abilities* hendaklah bermula dari Tahap 1*.

* Contoh 1:

Program “Servis Pembaikan - Kenderaan Ringan” (TP-300-2:2016) yang bermula dengan Tahap 2, perlu mengikuti *Core Abilities* bagi Tahap 1 dan Tahap 2

* **Contoh 2:**

Program “Inovasi Dan Pembangunan Rekabentuk Produk” (MC-095-4:2016) yang bermula dengan Tahap 4, perlu mengikuti *Core Abilities* bagi Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4.

8. INFRASTRUKTUR LATIHAN

8.1. PLK/PB boleh menggunakan kemudahan sedia ada di PLK/PB.

9. TARIKH KUATKUASA


9.1. Panduan Perlaksanaan Standard Kompetensi Kebangsaan (SKK) – *Core Abilities* (Pindaan 2015) berkuatkuasa mulai **01 JULAI 2017**.

10. PEMBATALAN

10.1. Dengan berkuatkuasanya panduan perlaksanaan ini, maka panduan perlaksanaan MLVK/T/1001(P4) [NCS-CORE ABILITIES] adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**



NCS Core Ability

Core Ability

Core Abilities Structure

2.2 CORE ABILITIES STRUCTURE FOR LEVEL 1 TO 5

Table 2.2: Core Abilities Structure for Level 1 to 5

GLOBAL CORE ABILITIES	MALAYSIAN CORE ABILITIES BASED ON LEVELS				
	LEVEL 1 CA Title	LEVEL 2 CA Title	LEVEL 3 CA Title	LEVEL 4 CA Title	LEVEL 5 CA Title
Communication	Basic Working Communication	Communication Application	Effective Communication	Complex Communication Construction	Communication Management Skill
Interpersonal Skill	Personal Behaviour Skill	Interpersonal Behaviour	Leadership Skill	Organizational Behaviour Assessment	Organizational Management Skill
Etiquette Management	Work Place Ethics Awareness	Work Place Culture Behaviour	Work Place Ethics	Etiquette Practices	Etiquette Management Skill
Health, Safety & Environment	Health, Safety and Environment Awareness	Health, Safety and Environment Application	Health, Safety and Environment Construction	Health, Safety and Environment Monitoring	Health, Safety and Environment Operation
Using Technology			Information Technology Application	System Technology Application	Information Technology Management
Management Skill			Administrative Skill	Relationship Management Capability	Networking Skill
Change Management				Change Management Assessment	Change Management Implementation
Strategic Thinking				Strategic Thinking Skill	Strategic Resolution

CORE ABILITY PROFILE CHART (CAPC)

SECTOR	ALL SECTORS
SUB SECTOR	ALL SUB SECTORS
JOB AREA	ALL JOB AREAS
NCS TITLE	CORE ABILITIES
JOB LEVEL	1 (ONE)
JOB AREA CODE	Z-009-1:2015

CORE	BASIC WORKING COMMUNICATION Z-009-1:2015-CA01	PERSONAL BEHAVIOUR SKILL Z-009-1:2015-CA02	WORK PLACE ETHICS AWARENESS Z-009-1:2015-CA03	HEALTH, SAFETY AND ENVIRONMENTAL AWARENESS Z-009-1:2015-CA04
------	--	---	--	---

Core Ability Profile Chart

Core Ability Profile

CORE ABILITY PROFILE (CP)

SECTOR	ALL SECTORS
SUB SECTOR	ALL SUB SECTORS
JOB AREA	ALL JOB AREAS
NCS TITLE	CORE ABILITIES
NCS LEVEL	1 (ONE)
JOB AREA CODE	Z-009-1:2015

CA Title	CA Code	CA Descriptor	Ability	Performance Indicator
1. BASIC WORKING COMMUNICATION	Z-009-1:2015-CA01	Basic Working Communication describes the requirement to communicate ideas and information clearly, organisational practices and the importance of culture in communication. The person who is competent in this CA shall be able to apply working language appropriately, apply oral communication and speak reasonably and understand reading materials. The outcome of this CA is to communicate effectively using appropriate language and formats as well as understand organisational practices and intercultural communication.	1. Apply working language appropriately (English/ national language etc). 2. Apply oral communication and speak reasonably.	1.1 Work procedure is identified 1.2 Job responsibility guideline is followed 1.3 Job responsibility guideline is defined 1.4 Appropriate working language at workplace is applied 1.5 Relevant words and/or jargon for communication are applied 2.1 Appropriate language and format for clear communication is identified 2.2 Purpose of Oral Communication is defined 2.3 Appropriate language and format is used 2.4 Basic communication method is employed 2.5 Sign language and gesture is demonstrated 2.6 Basic ideas and information are expressed clearly

Ability